Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA	
TARIKH	:	9/4/2021	MUKA SURAT : 8
JABATAN	:	JKPTG	
KLASIFIKASI	:	**PERHATIAN**	

Utusan Malaysia 9/4/2021
m/s 8

Putra anjur kongres hari ini, kumpul tanda tangan

Selamatkan tanah rizab

Oleh FAHMI FAIZ
utusan.news@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (Putra) Perak menganjurkan kongres bagi mengumpul tanda tangan berhubung isu tanah rizab Melayu di Perak yang didakwa diseleweng dan dipindah milik kepada bukan Melayu.

Pengerusi Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (Putra) Perak, Datuk Hamidah Osman berkata, kongres itu berlangsung di Hotel Tower Regency, Ipoh bermula pukul 8 pagi ini bagi mendesak kerajaan mengambil tindakan serius terhadap penyelewengan tanah rizab Melayu.

Menurut beliau, deklarasi dan resolusi kongres akan diserah kepada kerajaan serta pihak Majlis Raja-Raja, demi memastikan isu membabitkan kepentingan orang Melayu tidak disorok oleh pihak tertentu.

"Melalui kongres ini, satu tindakan mengumpul tandatangan untuk mendesak kerajaan mengambil tindakan serius ke atas Tanah Rezab Melayu yang terlepas kepada bangsa lain selain orang Melayu.

Pancaindera
Selesa menduda - Fizo »20 & 21

MINGGUAN Malaysia
24 Januari 2021

Mingguan Malaysia

Covid-19 4,275 Kes baharu | 11 Kluster baharu | 7 Kematian »4

Tanah rizab Melayu hilang

Didakwa telah bertukar milik sejak 2005

Oleh FAHMI FAIZ dan ROSHIHAN ANNUAR YUB

KUALA LUMPUR: Seluas 641.6 hektar tanah rizab Melayu di Perak didakwa telah dipindah milik kepada bukan Melayu akibat penyelewengan sindikat yang didakwa didalangi oleh pegawai kerajaan.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Naib Presiden Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (Putra), Datuk Hamidah Osman mendedahkan, sindikat itu menyasarkan tanah di daerah Siputiwan yang telah digazetkan sebagai tanah rizab Melayu pada 1930.

"Tanah ini asalnya diwartakan sebagai rizab Melayu pada 7 Januari 1930 melalui gazet kerajaan dalam dokumen rizab berjudul F.M.S Government Gazette, British yang telah menzabkan tanah seluas 16,800 hektar," katanya.

Katanya, pada 21 November 1997, kerajaan Negeri Perak telah memberi pajakan selama 99 tahun sebahagian tanah tersebut, yang berkeluasan 641.6 hektar kepada sebuah syarikat.

Bersambung di muka 2

"Sebagai contoh kes tanah rizab Melayu di Manjung yang telah dibangkitkan oleh Putra Perak.

"Deklarasi tuntutan hasil kongres ini akan dipanjangkan kepada Pejabat Menteri Besar Perak dan juga kepada Pejabat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak dan Majlis Raja-Raja. Kita mengambil serius perkara ini kerana sudah 63 tahun kita merdeka, malangnya hak Melayu kian terhakis," kata beliau kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Kata beliau, pihaknya berharap semua pihak menyertai kongres tersebut serta bersama-sama dalam agenda mengembalikan hak Melayu yang hilang akibat penyelewengan.

Dalam perkembangan lain, Hamidah berkata, pihak berkuasa telah menjalankan siasatan terperinci terhadap individu yang disyaki terlibat dalam penyelewengan 641 hektar tanah rizab di Manjung.

"Kami difahamkan, siasatan masih berjalan, yang mana pihak berkuasa masih memanggil saksi bagi mendapatkan keterangan. Kami ingin mengucapkan terima kasih atas tindakan pantas pihak berkuasa memastikan dalang kes ini dapat diheret ke muka pengadilan.

"Harapan kami, kes membabitkan kepentingan dan hak orang Melayu ini dapat diselesaikan segera, dan tanah itu dapat dikembalikan haknya kepada kerajaan negeri," katanya.

Sementara itu, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Perak, Datuk Mohd. Fauzi Mohamad ketika dihubungi berkata, siasatan berhubung kes itu sedang dilakukan.